

07 AUG 2003

Mahathir-Angkasawan (Bergambar)

RAKYAT M'SIA BERKEBOLEHAN JADI ANGKASAWAN - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia mempunyai kebolehan untuk menjadi angkasawan dan terbang ke angkasa lepas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata kebolehan mereka adalah setanding dengan negara lain tetapi yang menjadi halangan adalah sumber kewangan dan pengalaman yang diperlukan.

"Saya nampak mereka mempunyai kebolehan yang tidak kurang daripada pihak lain, hanya yang menjadi halangan ialah kita (ber)mula lewat dan kita perlu dapat pengalaman dan kita juga perlu belanja wang...ini jadi masalah," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas upacara penamaan satelit pencerapan bumi kedua Malaysia, RazakSAT, di Taman Teknologi Malaysia Bukit Jalil di sini hari ini.

Namun Dr Mahathir berkata Malaysia akan melancarkan program menghantar rakyatnya ke angkasa lepas pada 2005 yang merupakan sebahagian daripada perjanjian yang dimeterai dengan Rusia dalam pembelian 18 jet pejuang Sukhoi dari negara itu.

Perjanjian itu dimeterai ketika lawatan Presiden Rusia Vladimir Putin ke Malaysia Selasa lepas dan Rusia turut berikrar untuk membantu Malaysia dalam melancarkan satelit dan merealisasikan matlamat menghantar angkasawannya ke angkasa lepas.

Dr Mahathir berkata calon untuk program ke angkasa lepas ini boleh terdiri dari sesiapa sahaja asalkan mereka mempunyai kelayakan minimum dan memenuhi kriteria lain seperti penilaian kesihatan, pengetahuan dan kecekapan.

"Sesiapa sahaja...beliau boleh merupakan seorang ahli akademik, orang biasa atau anggota tentera...sesiapa sahaja boleh dilatih dan mesti mempunyai kelayakan yang minimum," katanya.

Ditanya mengenai Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB), Dr Mahathir berkata ia telah mencapai kemajuan yang sangat baik dalam pembuatan satelit dan kini negara tidak perlu bergantung sepenuhnya terhadap negara luar.

"Kita dapati kita punya jurutera yang mempunyai kebolehan dan setelah dilatih di Korea Selatan kita nampak mereka berkeupayaan membuat komponen-komponen sendiri," katanya.

RazakSAT dibangunkan bersama ATSB dan Satreci Companies Ltd dari Korea Selatan. Satelit ini berupaya mengambil imej digital pada resolusi 2.5 meter pankromatik dan lima meter pelbagai spectral.

Bagaimanapun, beberapa bahagian subsistem satelit RazakSAT telah dibangunkan di Malaysia oleh jurutera ATSB termasuk subsistem penting bagi satelit itu.

Penghasilan subsistem satelit ini merupakan kali pertama sebuah satelit dibangunkan oleh jurutera Malaysia di dalam negara.

-- BERNAMA

RV RV RON